

TEKS UCAPAN
Y.BRS. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MoU) DI ANTARA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM) DAN NEXPERIA MALAYSIA**

16 Ogos 2023, 3.30 Petang
Auditorium 2, Bangunan Fasa 3, Tingkat Mezanin,
Nexperia Malaysia Sdn. Bhd. Seremban

SALUTASI

Yang dihormati perwakilan dari Nexperia Malaysia Sdn. Bhd.

- i. En. Harith Bin Abdullah, Naib Presiden & Pengurus Besar Nexperia Malaysia Sdn Bhd,
- ii. En. Melvin Chew Chee Hung, Pengarah Kanan Penyelidikan & Pembangunan,
- iii. En. Ooi Thiam Seng, Pengarah Kanan Operasi
- iv. En. Muhammad Hilman Rao Bin Abdullah, Pengarah Sumber Manusia
- v. En. Raymond Chan, Pengarah Kewangan serta
- vi. En. Richard Lem, Timbalan Pengarah Penyelidikan & Pembangunan
- vii. Dan warga CASB yang terlibat

Yang dihormati perwakilan dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka

- i. Prof. Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- ii. Prof. Madya Dr. Mohamad Zoinol Abidin bin Abd Aziz, Pengarah COE
- iii. Puan Anita Akmar binti Kamarolzaman
- iv. Dan warga UTeM yang terlibat

1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian En. Harith Bin Abdullah selaku Naib Presiden & Pengurus Besar Nexperia Malaysia Sdn Bhd, serta pihak Nexperia Malaysia atas jemputan ke Majlis Menandatangani Memorandum

Perjanjian (MoA) Di Antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Dengan Syarikat Nexpria Malaysia. Kesudian pihak Nexpria Malaysia atas jemputan ke majlis ini, sesungguhnya amat bermakna buat seluruh warga UTeM.

2. Tidak lupa juga kepada para penyelidik yang diketuai Pn. Anita Akmar Kamarolzaman serta penyelidik bersama Dr. Nadlene binti Razali, Ts. Dr. Faiz bin Arith dan Dr. Muhammad Zaimi bin Zainal Abidin yang telah telah bersama bertungkus lumus bagi memastikan Memorandum Persefaham (MoU) antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka bersama Syarikat Nexpria Malaysia pada hari ini dapat dilaksanakan. Terima kasih juga kepada hadirin lain yang hadir sama-sama pada hari ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

3. Untuk makluman, majlis pada hari ini merupakan satu platform untuk mengukuhkan lagi hubungan dan jaringan kerjasama strategik antara UTeM dan juga industri. Jaringan kerjasama ini adalah sangat penting dalam memastikan bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan khidmat perundingan di UTeM dapat dijalankan dengan lebih berkualiti. Ini juga adalah selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memartabatkan TVET di kalangan institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta.


4. UTeM sebagai salah sebuah MTUN sangat menitiberatkan penglibatan bersama industri dan agensi. Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, kolaborasi antara UTeM bersama industri dan agensi akan dapat memastikan UTeM untuk melahirkan graduan yang memenuhi kriteria pasaran industri. Ini adalah penting dalam memastikan kadar *Graduate Employability* terus meningkat terutama pada waktu PascaPandemik di mana graduan-graduan sedang sibuk bersaing dalam memastikan penempatan di industri-industri yang berkaitan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,


5. Majlis pada hari ini diadakan adalah bagi menandatangani Memorandum Persefaham (MoU) antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka bersama Syarikat Nexpria Malaysia. Melalui kerjasama dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Nexpria Malaysia kini menjalankan kolaborasi penyelidikan pertamanya dengan universiti tempatan. Kerjasama ini adalah bukti kesungguhan Nexpria Malaysia dalam membina dan

berkongsi ilmu di peringkat tempatan, dengan tujuan mewujudkan impak positif dalam industri dan pendidikan tempatan.

6. Saya percaya kerjasama yang dijalankan ini akan membawa kebaikan kepada Nexperia Malaysia dan UTeM dalam meningkatkan kredibiliti penyelidikan, memberi akses kepada kedua-dua belah pihak untuk berinteraksi secara langsung bagi memahami aplikasi praktikal dan menyelaraskan usaha penyelidikan dengan keperluan industri.

- 
7. Diharapkan kerjasama di antara UTeM bersama Nexperia Malaysia ini akan dapat membawa hasil yang positif kepada semua pihak yang terlibat seterusnya dapat membantu untuk merancakkan lagi pembangunan ekonomi negara. Saya juga berharap kerjasama ini akan menjadi pembuka jalan dan pemangkin untuk kerjasama yang berterusan di antara Neperia dan UTeM serta dapat memberi peluang kepada penyelidik, pelajar serta graduan UTeM dimasa hadapan.
8. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih di atas kelapangan

masa Tuan-tuan dan Puan-puan yang turut hadir bersama di majlis pada hari ini.

- 
9. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

**Cantik tenunan warisan ibunda
Di sarung oleh si anak dara;
UTeM dan industri berpisah tiada,
Menjana ekonomi, memakmur negara.**

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

